

36 mahasiswa dekati masyarakat melalui Program Kembara UMP 2013

31/10/13
UM (Pahang) Kembara

KUANTAN 30 Okt. - Seramai 36 mahasiswa termasuk lapan penuntut antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kembara UMP 2013 di Felda Chemomoi, Temerloh dekat sini, bagi mendekati dan bermesra dengan masyarakat di situ.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, UMP amat berbesar hati kerana berpeluang menabur bakti seterusnya menjayakan program kerjasama antara UMP dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Felda Chemomoi itu.

"Dalam program tersebut mahasiswa UMP berpeluang bertemu dan bermesra dengan penduduk kampung. Program kesukarelaan ini dapat memasyarakatkan UMP dengan masyarakat di situ.

"Pihak universiti sentiasa menyokong pelajar supaya menyertai program kemasyarakatan supaya dapat menambah pengalaman sepanjang pelaksanaan program.

"Malah, program sebegini begitu signifikan bagi mahasiswa UMP sama ada di dalam dan luar negara," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian penutup program tersebut di Felda berkenaan, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengurus Felda



SEBÁHAGIAN mahasiswa yang menyertai Program Kembara UMP 2013 di Felda Chemomoi, Temerloh, baru-baru ini.

Chemomoi, Ahmad Kamal Hussain; Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Felda Chemomoi, Abdul Ghani Taib dan Pengarah Program, Hani Abdullah.

Menurut Yuserrie, antara pengisian program itu ialah projek ke-

uarga angkat, kem Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, forum dan pameran bagi mempromosikan UMP.

"Saya berharap program seperti ini dapat memanfaatkan kedua-dua pihak seterusnya menjalin hubu-

ngan baik antara universiti dan masyarakat," jelasnya.

Sementara itu, menurut Ahmad Kamal, pihaknya gembira atas kesudian warga UMP memilih Felda Chemomoi untuk program kemasyarakatan tersebut.

"Aktiviti yang dijalankan dapat memberi manfaat terutama dalam memberi suntikan semangat kepada anak-anak kampung, malah mahasiswa sendiri dapat mengeratkan hubungan bersama keluarga angkat masing-masing," katanya.